



## **POLISI PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)**

Selaras dengan visi Syarikat untuk kekal sebagai **Plantation House** yang terkemuka dan berkembang sebagai sebuah konglomerat yang berjaya, FELCRA Berhad komited di dalam memainkan peranannya untuk mematuhi keperluan pengeluaran minyak kelapa sawit yang mampan melalui proses **Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)**.

Dengan ini, Pengurusan FELCRA Berhad akan memimpin dan memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk mematuhi prinsip – prinsip utama Pensijilan MSPO sebagaimana berikut :-

- Tanggungjawab dan Komitmen Pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan Kepada Perundangan Negara
- Tanggungjawab Sosial, Keselamatan dan Kesihatan Keadaan Pekerjaan
- Persekitaran, Sumber Alam Semulajadi, Kepelbagaian Bio dan Perkhidmatan Ekosistem
- Amalan Baik
- Pembangunan Tanaman Baru

Pengurusan FELCRA Berhad juga memberi komitmen untuk melaksana penambahbaikan yang berterusan dengan memanfaatkan sumber manusia, proses dan teknologi sedia ada bagi memastikan aktiviti pengeluaran minyak kelapa sawit dibuat dengan cara yang mampan.

**(MOHD NAZRUL IZAM BIN MANSOR)**  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
**FELCRA Berhad**

Semakan : 01

Tarikh: 13 November 2018



## POLISI ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI

Selaras dengan visi syarikat untuk kekal sebagai *Plantation House* yang terkemuka dan berkembang sebagai sebuah konglomerat yang berjaya, FELCRA Berhad komited untuk memastikan semua unit operasi diuruskan dengan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan serta pemeliharaan alam sekitar dan biodiversiti.

Untuk memastikan alam sekitar dan kepelbagaian biodiversiti terpelihara, kami komited untuk :-

- Mematuhi segala peruntukan undang-undang pihak berkepentingan yang berkaitan dengan usaha pemeliharaan alam sekitar dan biodiversiti.
- Memperbaiki mutu kerja dan semua unit operasi kami secara menyeluruh untuk mempertingkatkan amalan semasa kearah pembangunan mampan.
- Mengurangkan impak atau kesan negatif alam sekitar terhadap semua aktiviti yang berlangsung di dalam kawasan FELCRA Berhad.
- Memberikan pemahaman serta kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti melalui kempen-kempen kesedaran dan latihan kepada semua kakitangan FELCRA Berhad.
- Memastikan pemegang amanah menyedari dan berkongsi komitmen kami terhadap tanggungjawab pengawasan alam sekitar.

(MOHD NAZRUL IZAM BIN MANSOR)  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
FELCRA Berhad

Semakan : 01

Tarikh: 13 November 2018



## POLISI SOSIAL

Selaras dengan visi Syarikat untuk kekal sebagai *Plantation House* yang terkemuka, FELCRA Berhad menghormati, menyokong dan mempertahankan hak asasi kemanusiaan bagi setiap pekerja dalam menyediakan keadaan tempat kerja yang harmoni.

FELCRA Berhad memberi komitmen untuk mematuhi prinsip utama sebagaimana berikut :-

- Pihak pengurusan tidak akan terlibat dalam atau menyokong amalan diskriminasi dan akan memberikan peluang dan layanan yang sama tanpa mengira bangsa, warna, jantina, agama, pendapat politik, kewarganegaraan, asal usul atau apa-apa ciri lain yang berbeza.
- Memastikan kesemua pekerja buruh asing mempunyai permit yang sah.
- Larangan terhadap sebarang bentuk buruh paksa.
- Larangan penggunaan buruh kanak-kanak dan bawah umur.
- Menyediakan keadaan tempat kerja yang selamat dan sihat.
- Menghormati hak pekerja untuk menyertai atau membentuk kesatuan sekerja dan hak untuk berunding secara kolektif.

Pematuhan prinsip utama ini dilaksanakan oleh pihak pengurusan supaya FELCRA Berhad terus membangun dan berjaya membantu golongan sasaran sebagaimana hasrat kerajaan.

(MOHD NAZRUL IZAM BIN MANSOR)  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
FELCRA Berhad

Semakan: 02

Tarikh: 13 November 2018



## POLISI PENCEGAHAN GANGGUAN SEKSUAL DAN KEGANASAN DI TEMPAT KERJA

Selaras dengan visi Syarikat untuk kekal sebagai *Plantation House* yang terkemuka dan berkembang sebagai sebuah konglomerat yang berjaya, FELCRA Berhad komited dan bertanggungjawab dalam menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat dan bebas dari sebarang bentuk gangguan seksual dan keganasan.

Dengan ini, FELCRA Berhad akan mengambil langkah-langkah pencegahan sebagaimana yang berikut :-

- Tidak bertoleransi dengan sebarang bentuk gangguan seksual dan keganasan yang melibatkan staf, pekerja syarikat ataupun orang luar.
- Mengenakan tindakan disiplin termasuk diberhentikan kerja terhadap staf atau pekerja yang didapati bersalah dalam kes gangguan seksual dan keganasan.
- Menjalankan program promosi dan pendidikan bagi memberi kesedaran tentang definisi gangguan seksual dan kesan negatif kepada mangsa, pesalah dan syarikat.
- Menyediakan saluran untuk penyampaian aduan dan melindungi kerahsiaan identiti pengadu.
- Memberi penekanan kepada peringkat pengurusan untuk sentiasa bertanggungjawab dan menjadi contoh teladan yang positif dalam mematuhi polisi ini.

(MOHD NAZRUL IZAM BIN MANSOR)  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
FELCRA Berhad

Semakan: 01

Tarikh: 13 November 2018



## POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi dasar FELCRA Berhad untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerja-pekerja dan pihak-pihak lain yang berurusan atau terlibat dengan aktiviti-aktiviti syarikat.

FELCRA Berhad komited, setakat yang praktik, untuk melaksanakan serta mencapai matlamat Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melalui perkara-perkara berikut:

- Pematuhan terhadap undang-undang, peraturan yang telah ditetapkan dan sebarang piawaian yang berkaitan.
- Menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat kepada semua pekerja dan pihak-pihak lain yang berurusan dan terlibat dengan aktiviti syarikat.
- Mewujudkan sistem kerja yang selamat termasuk memberikan maklumat, arahan, latihan dan pemantauan yang secukupnya kepada pekerja dan pihak-pihak lain yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti syarikat selaras dengan tanggungjawab-tanggungjawab majikan seperti yang termaktub di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Mempromosikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja dan pihak-pihak lain selaras dengan matlamat untuk mewujudkan budaya kerja yang selamat dan sihat.
- Memberikan keutamaan terhadap isu-isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan.
- Melaksanakan kajian semula dan melakukan penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Kami percaya bahawa keselamatan dan kesihatan semua pekerja haruslah diintegrasikan ke dalam aktiviti harian menerusi aplikasi cara kerja selamat dan sihat sebagai faktor utama di dalam memastikan kejayaan dan pencapaian visi dan misi syarikat sepenuhnya.

**"KESELAMATAN DAN KESIHATAN ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

(MOHD NAZRUL IZAM BIN MANSOR)  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
FELCRA Berhad

Semakan : 04

Tarikh : 13 November 2018